NOTA PANDUAN MESYUARAT

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-35
KOPERASI KAKITANGAN SAWIT KINABALU SABAH BERHAD

26HB SEPTEMBER 2026
DEWAN HAKKA, SANDAKAN, SABAH

Nota Panduan Mesyuarat ini disediakan sebagai rujukan kepada anggota. Nota ini bertujuan untuk memberi panduan kepada anggota-anggota untuk memastikan kesempurnaan dan kecekapan pelaksanaan dan perjalanan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-35.

JANGKA MASA
Mesyuarat Agung Tahunan Ke-35 akan berlangsung pada 26hb September 2026 (Sabtu) bermula pada jam 7.00 pagi sehingga jam 2.00 petang.

KEHADIRAN
Semua anggota adalah dibenarkan untuk menghadiri mesyuarat. Mesyuarat dijalankan secara bersemuka dan melalui Aplikasi *Tele-Conferencing Zoom Meeting*.

PENDAFTARAN

Urusan pendaftaran anggota terbahagi kepada dua iaitu secara bersemuka dan melalui kaedah Aplikasi *Tele-Conferencing Zoom Meeting*:-

1. Secara Bersemuka
    a) Pendaftaran dibuka seawal jam 7.00 pagi untuk MAT-35 dan pemegang saham Kosawit Petroleum Berhad.
    b) Para anggota boleh membuat pengesahan kehadiran awal melalui platform e-AGM sebelum hari MAT.
    c) Urus setia Pendaftaran MAT akan menguruskan pendaftaran anggota pada hari MAT di Kaunter Pendaftaran MAT.
    d) Bagi pemegang saham stesen minyak dikehendaki tetap berada di platform e-AGM untuk sesi MAT Kosawit Petroeum Berhad yang Ke-6.

2. Aplikasi *Tele-Conferencing Zoom Meeting*
    a) Anggota dikehendaki mendaftar diri untuk menyertai Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-35 secara dalam talian **pada 26hb September 2026** bermula dari jam **7:00 pagi** hingga **10:30 pagi** dengan menggunakan pautan **agmexpert.com/agmexpert** dan **KATA LALUAN** akan diberikan setelah pendaftaran dibuat.

    b) Anggota hendaklah menggunakan pautan agmexpert.com/agmexpert/logundi bagi pengundian Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-35 dengan memasukkan Kata Laluan yang akan diberi semasa agenda penggundian dijalankan. Anggota adalah diingatkan menggunakan nombor telefon bimbit yang telah didaftarkan semasa hari pendaftaran.

ELAUN MESYUARAT
Pembayaran elaun mesyuarat akan dibayar melalui dua cara mengikut ketetapan berikut:

1. Secara Bersemuka
   a) Elaun Kehadiran **RM300.00** dan dibayar secara Tunai.

2. Aplikasi *Tele-Conferencing Zoom Meeting*
   a) Elaun Kehadiran **RM100** dan dibayar secara Pembayaran Online
   b) Pembayaran elaun akan dibayar kepada anggota jika anggota memenuhi syarat iaitu:-
      i. Daftar Masuk AGM EXPERT
      ii. Membuat Pengundian
      iii. Hadir dalam Mesyuarat (Aplikasi *Tele-Conferencing Zoom Meeting)*

***** Berdasarkan rekod daripada Sistem AGM EXPERT.**

KOD PAKAIAN
Pakaian kemas dan tidak menjolok mata.

ATURCARA
Aturcara untuk Mesyuarat Agung Tahunan Ke-35 adalah seperti berikut :-
1. Bersemuka – **Lampiran 1**
2. **Bersemuka Mesyuarat MAT Kosawit Petroleum – Lampiran 2**

eBOOK MAT35
eBook Mesyuarat Agung Tahunan Ke-35 akan diedarkan kepada para anggota melalui aplikasi WhatsApp.

MAKAN DAN MINUM
Kudapan pagi (*tea break*) dan merarau (*lunch*) disediakan semasa MAT. Para anggota dinasihatkan agar mengambil sarapan pagi terlebih dahulu sebelum menghadiri mesyuarat.

PENGINAPAN DAN PENGANGKUTAN
Tiada kemudahan penginapan dan pengangkutan disediakan. Penginapan dan pengangkutan adalah tanggungjawab para anggota sendiri.

MAKLUMAT LANJUT
Untuk sebarang pertanyaan lanjut atau sekiranya berlaku kecemasan,sila hubungi Ahli-Ahli Jawatankuasa Pelaksana Mesyuarat Agung Tahunan seperti berikut:

Bil.	Ahli – Ahli Jawatankuasa	Wilayah	No.Telefon
1	Puan Juraya Ishak	Lahad Datu	089-883244 / 089-881875
2	Puan Chrispina G. Mandali	Kota Kinabalu /Pantai Barat	087-887535 / 019-8619420
3	Cik Misrah Marselus	Sandakan	089-214100 / 016-8492779
4	Marsiah Mulawarman	Tawau	089-778323 / 013-8067910

Kerjasama dan keprihatinan serta jasa baik pihak tuan/puan dalam memastikan kecekapan, keberkesanan dan kesempurnaan proses dan aktiviti-aktiviti MAT Ke-35 amat dihargai.

Sekian.Terima kasih.

YAHYA BIN ABSARUN
Setiausaha KKSKSB

LAMPIRAN 1

ATURCARA

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-35 KKSKSB

26HB SEPTEMBER 2026
DEWAN HAKKA, SANDAKAN, SABAH

6.30 pagi	-	Ketibaan Urus setia dan AJK MAT Ke-35
6.50 pagi	-	Ketibaan Ahli Lembaga Koperasi KKSKSB
7.00 pagi	-	Ketibaan dan Pendaftaran Anggota
9.00 pagi	-	Ketibaan Pengarah SKM Negeri Sabah,
	-	Ketibaan Datuk Victor Ationg Pengarah Urusan Kumpulan Sawit Kinabalu
9.10 pagi	-	Nyanyian Lagu *Negaraku*, Lagu *Sabah Tanah Airku* Dan Lagu *Kecemerlangan Koperasi*
9.20 pagi	-	Bacaan Doa oleh Ustaz Rizlan
9.30 pagi	-	Ucapan Aluan oleh Tuan Mohd Tahirullah Mahmud Pengerusi KKSKSB
9.40 pagi	-	Ucapan alu-aluan & perasmian MAT Ke-35 oleh Datuk Victor Ationg Pengarah Urusan Kumpulan Sawit Kinabalu
	-	Penyampaian Cendera kenangan
	-	Penyampaian Anugerah Pendidikan
	-	Bacaan Al-Fatihah bagi Anggota Meninggal Dunia
9.50 pagi	-	Kudapan
10.00 pagi	-	Sidang MAT Ke-35 dimulakan
12.30 petang	-	Makan tengahari
1.30 petang	-	Majlis dijangka Selesai

LAMPIRAN 2

ATURCARA

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-6
KOSAWIT PETROLEUM BERHAD

26HB SEPTEMBER 2026
DEWAN HAKKA, SANDAKAN, SABAH

1.00 petang	-	Ucapan Aluan oleh Tuan Mohd Tahirullah Mahmud Pengerusi KKSKSB
1.30 petang	-	Sidang MAT Ke-6 dimulakan
4.00 petang	-	Majlis dijangka Selesai